

03/01/2001

Rakyat bukan Melayu tidak perlu risau

Zulkofli Jamaludin; Rahman Hashim

KUALA LUMPUR, Selasa - Masyarakat bukan Melayu tidak harus bimbang dengan penyatuan orang Melayu kerana usaha yang dilaksanakan Umno untuk berbincang dengan pemimpin Pas dan Keadilan, semata-mata bertujuan mewujudkan perpaduan dan suasana harmoni.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata usaha itu perlu dilaksanakan segera kerana orang Melayu kini berpecah kepada beberapa kumpulan.

Sebarang perpecahan, katanya, boleh menjejaskan usaha mengukuhkan kerjasama orang Melayu bagi menghadapi cabaran dari dalam dan luar negara, termasuk era globalisasi.

"Sokongan kepada beberapa kumpulan itu adalah bukti orang Melayu berpecah dan sekiranya dibiarkan berterusan, boleh menjejaskan usaha memartabat dan mengukuhkan bangsa," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, yang mengingatkan orang Melayu supaya bersatu demi menjaga kepentingan bangsa dan bukan untuk bermusuh dengan orang lain.

Muhyiddin berkata, peringatan Perdana Menteri itu bertujuan mengelak sebarang kebimbangan daripada masyarakat bukan Melayu, khususnya apabila Umno mempelawa pemimpin Pas dan Keadilan untuk berbincang mengenai formula perpaduan.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda Umno meminta Pemuda Pas dan Keadilan supaya tidak terlalu cepat membuat kenyataan yang boleh mengeruhkan usaha penyatuan orang Melayu.

Exco Pemuda, Dr Zambry Abd Kadir turut meminta Ketua Pemuda Pas dan Keadilan supaya berbaik sangka seperti dianjurkan oleh Islam, meskipun cadangan penyatuan dibuat oleh pihak yang tidak sehaluan.

"Pemuda Umno menyokong ketiga-tiga pemimpin parti duduk bersama dan berbincang mengenai permasalahan penyatuan Melayu dan mencari jalan penyelesaiannya," katanya.

Zambry berkata, apa yang penting ketiga-tiga pemimpin parti perlu mengadakan pertemuan pertama sebagai langkah awal ke arah penyatuan yang lebih besar.

Beliau yang mahu soal perpaduan tidak dikongkong oleh fahaman politik sempit berkata, kepelbagaian pandangan dan kaedah dalam politik hendaklah dianggap sebagai rahmat untuk menambah pemikiran politik Melayu.

"Sebarang kenyataan yang menidakkan keperluan penyatuan adalah sesuatu yang dikesalkan. Ada ketikanya sentimen politik kepartian perlu dielakkan bagi melihat persoalan umat Melayu yang lebih besar dan strategik," katanya.

Zambry berkata, orang Melayu tidak mampu lagi untuk bertelingkah atas isu politik bingit dan tempelan.

"Umat Melayu jangan kehilangan arah ketika mahu mempertahankan kuasa dan populariti sehingga sanggup mengetepikan anjuran perpaduan dan penyatuan," katanya.

Di MELAKA, Badan Perhubungan Umno negeri akan mendapatkan garis panduan daripada Majlis Tertinggi (MT) berhubung kesediaan parti memulakan rundingan dengan Pas dan Keadilan.

Pengerusinya, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata setakat ini MT belum memberi garis panduan yang boleh diguna pakai dalam usaha mengadakan pertemuan berkenaan.

Katanya, selagi garis panduan itu belum diperolehi, adalah sukar untuk

mengadakan perundingan kerana perpaduan orang Melayu mencakupi bidang yang begitu luas.

Lagipun, beliau berkata kebanyakan pemimpin Pas dan Keadilan akan cuba mencari kelemahan atau masalah lain yang boleh dijadikan modal politik mereka.

"Umno negeri tidak menghadapi masalah mengadakan perbincangan dengan Pas atau Keadilan berhubung perpaduan orang Melayu.

"Apa yang dikhuatirkan ialah sama ada pembangkang benar-benar ikhlas duduk semeja dengan Umno atau ini peluang terbaik mereka menghentam Umno dan kerajaan," katanya ketika ditemui di pejabatnya, hari ini.

Semalam, ketika mengadakan kunjungan hari raya di rumah beberapa ketua Umno cawangan dalam kawasan Parlimen Batu Berendam, Mohd Ali dipelawa oleh Yang Dipertua Pas kawasan berkenaan, Md Diah Abdul supaya berucap di Masjid Solok Gaung.

Dalam ucapannya, Mohd Ali meminta umat Islam mengetepikan fahaman politik demi memastikan perpaduan orang Melayu terus berkekalan.

Katanya, selagi pemimpin Pas dan Keadilan berjuang tanpa berlandaskan konsep Islam sebenar, hasrat menyatupadukan orang Melayu sukar dilaksanakan sepenuhnya.

Sementara itu, Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar ketika dihubungi berkata, beliau tidak melihat sebarang perpecahan di kalangan orang Melayu, kecuali yang pernah menyokong Barisan Nasional (BN) beralih mengundi pembangkang dalam pilihan raya umum lalu.

Peralihan sokongan daripada Umno kepada Pas atau Keadilan itu, katanya, tidak boleh dianggap perpecahan kerana dalam sistem demokrasi rakyat bebas menyokong dan mengundi mana-mana parti.

Sehubungan itu katanya, beliau tidak melihat pertemuan antara pemimpin Umno, Pas dan Keadilan perlu diadakan kerana orang Melayu kini sebenarnya tidak berpecah.

Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (Jim) pula mahu semua pihak terbabit berbincang dengan ikhlas untuk mencari formula perpaduan dan tidak menganggap ia adalah ancaman daripada masyarakat bukan Melayu.

Presidennya, Prof Madya Dr Mohamed Hatta Shaharom, berkata kebenaran dan keadilan untuk semua kaum mestilah menjadi agenda utama usaha itu dan sebarang hasil hendaklah diumumkan kepada rakyat.

"Jim mahu melihat usaha ini mencetuskan prinsip penyatuan kebangsaan yang amat diperlukan oleh negara berbilang kaum," katanya.

(END)